



## PENSIJILAN HALAL BAGI PRODUK MAKANAN DAN MINUMAN MS 1500: 2004

Oleh:  
Ustaz Mohd Yusof Arbain  
SIRIM Berhad

### 1. SKOP

#### MS 1500: 2004

Standard Malaysia ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien). Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia<sup>1</sup>. Standard ini digalakkan untuk digunakan bersama-sama dengan:

MS 1480, *Food safety according to hazard analysis and critical control point (HACCP) system*

MS 1514, *General principles of food hygiene*

*Garis panduan amalan kebersihan yang baik untuk industri makanan kecil dan sederhana ke arah HACCP – MOH/K/MAK/19.03(GU), Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Malaysia*

### 2. DEFINISI

Bagi tujuan standard ini, definisi-definisi berikut adalah digunapakai.

#### 2.1 Hukum Syarak

Hukum Syarak ialah perintah Allah yang berkait dengan perbuatan orang dipertanggungjawabkan atau *mukallaf* secara tuntutan, pilihan atau *al wadh'u*<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup>Standard ini tidak mengandungi semua keperluan yang mungkin diperlukan untuk pensijilan. Pensijilan halal boleh diperolehi daripada pihak berkuasa hal ehwal Islam atau pihak yang diberi berkuasa di Malaysia.

<sup>2</sup>*Al wadh'u* – menjadikan sesuatu sebagai syarat untuk melaksanakan hukum syarak yang lain seperti masuk waktu sebagai syarat sah sembahyang



Berdasarkan kepada perundangan Malaysia, hukum Syarak bermakna undang-undang Islam dalam Mazhab Shafie atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu Mazhab sama ada Maliki, Hambali dan Hanafi yang telah dipersetujui oleh Yang di Pertuan Agong dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan atau oleh Raja atau Sultan bagi mana-mana negeri dikuatkuasakan dalam negeri itu atau fatwa yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam.

## 2.2 Halal

Perkara yang dibenarkan oleh hukum Syarak dan tidak akan dikenakan azab bagi orang yang melakukannya.

## 2.3 Makanan Halal

Makanan halal bermaksud makanan dan minuman dan/atau ramuannya yang dibenarkan oleh hukum Syarak dan menepati syarat-syarat berikut:

- a. Tidak mengandungi apa-apa bahan daripada haiwan yang tidak halal kepada orang Islam mengikut hukum Syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak;
- b. Tidak mengandungi najis mengikut hukum Syarak;
- c. Selamat dimakan, tidak beracun, tidak memabukkan atau tidak memudaratkan kesihatan;
- d. Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari najis mengikut hukum Syarak;
- e. Tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum Syarak dan
- f. Semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan tersebut diasingkan daripada makanan lain yang tidak menepati keperluan dalam butiran a), b), c), d) atau e) di atas atau bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis mengikut hukum Syarak.

## 2.4 Najis

**Najis menurut Hukum Syarak adalah:**

- a) Anjing dan babi (khinzir) dan segala terbitan daripadanya;
- b) Makanan halal yang dicemari oleh bahan yang tidak halal (haram);
- c) Makanan halal yang bersentuhan dengan bahan-bahan yang tidak halal;



- d) Sebarang cecair atau objek yang keluar dari rongga manusia atau haiwan seperti air kencing, darah, muntah, nanah, uri dan tahi<sup>3</sup>.
- e) Bangkai haiwan atau haiwan halal yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak.
- f) Arak atau minuman atau makanan yang dicampurkan dengan arak.

### 2.5 Terdapat Tiga Jenis Najis:

- a) *Mughallazah* adalah najis berat iaitu anjing dan babi (khinzir) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing dan babi (khinzir), keturunannya dan terbitan daripadanya;
- b) *Mukhaffafah* adalah najis ringan. Najis yang berada di dalam kategori ini hanyalah air kencing bayi lelaki berusia dua tahun dan ke bawah yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibu sahaja; dan
- c) *Mutawassitah* adalah najis pertengahan yang tidak termasuk di dalam kategori najis berat atau najis ringan seperti muntah, nanah, darah, arak, bangkai, cecair dan objek yang keluar daripada rongga dan sebagainya.

### 2.6 Penyembelihan

Menurut hukum Syarak, perbuatan menyembelih hendaklah dengan memutuskan saluran pernafasan (*halqum*), saluran makanan (*mari'*) dan kedua-dua urat darah karotid dan jugular (*wadajain*) untuk mempercepatkan pengaliran keluar darah dan kematian haiwan.

### 2.7 Pihak Berkuasa Bertauliah

Pihak berkuasa bertauliah adalah agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menjalankan tugas khusus mengikut keperluan yang telah ditetapkan<sup>4</sup>

### 2.8 Premis

Sebarang bangunan atau apa-apa struktur, kekal atau sebaliknya bersama-sama dengan tanah dan bangunan, atau struktur lain yang terletak dan sebarang perkongsian tanah yang digunakan bagi penyediaan, penyembelihan,

<sup>3</sup> susu, sperma dan ovum manusia dan haiwan, kecuali anjing dan babi adalah tidak najis.

<sup>4</sup> Di Malaysia terdapat pelbagai pihak berkuasa bertauliah yang bertanggungjawab ke atas pelbagai aspek seperti hal ehwal Islam, pensijilan halal, kesihatan haiwan, kesihatan awam, keselamatan makanan dan lain-lain.



pemrosesan , pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, pengedaran dan penjualan sebarang makanan.

- a) Premis hendaklah direkabentuk dan dibina atau diubahsuai supaya aliran proses dapat mengawal risiko pencemaran serta sesuai dengan tujuan penggunaannya.
- b) Susun atur premis hendaklah membenarkan aliran proses yang baik, aliran pergerakan pekerja, amalan kebersihan dan keselamatan yang baik termasuk perlindungan pencegahan serangan makhluk perosak dan pencemaran silang antara operasi dan semasa operasi.
- c) Aliran proses produk daripada penerimaan bahan mentah sehingga produk siap hendaklah mencegah pencemaran silang.
- d) Premis perlu direkabentuk bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan dan membantu penyeliaan kebersihan makanan.
- e) Kemudahan sanitasi yang mencukupi perlu disediakan dan diselenggara.
- f) Ruang pemungghahan hendaklah direkabentuk bersesuaian bagi membolehkan pemindahan produk yang mudah rosak dapat dilakukan dengan berkesan.
- g) Premis hendaklah berada di dalam keadaan yang baik dan diselenggara bagi menghalang kemasukan makhluk perosak dan mencegah potensi tempat pembiakan.
- h) Kawasan pemrosesan hendaklah dibina menggunakan bahan yang kalis air dan tidak mempunyai kesan toksik dalam penggunaannya, permukaan yang mudah dibersihkan supaya sentiasa bersih dan diselenggara dengan baik. Penggunaan bahan kaca dan kayu perlu dielakkan.
- i) Jarak premis penyembelihan halal dengan ladang ternakan babi atau premis penyembelihan babi hendaklah berjauhan.
- j) Premis penyembelihan halal hendaklah dikhususkan untuk penyembelihan halal sahaja.
- k) Semua pemrosesan karkas seperti melapah, memotong, membungkus dan menyimpan hendaklah dibuat di dalam premis yang sama dengan proses penyembelihan.

### 3. SUMBER MAKANAN DAN MINUMAN HALAL



### 3.1 Haiwan

Haiwan dibahagikan kepada dua kategori:

#### 3.1.1 Haiwan Darat

Semua haiwan darat adalah halal dimakan kecuali yang berikut:

- a) Haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak;
- b) Babi dan anjing serta keturunannya;
- c) Haiwan yang mempunyai taring atau gading yang digunakan untuk membunuh mangsa seperti harimau, beruang, gajah, kucing, monyet dan sebagainya;
- d) Burung pemangsa seperti helang, burung hantu dan sebagainya ;
- e) Haiwan perosak dan/atau berbisa seperti tikus, lipas, lipan, kala jengking, ular, tebuan dan sebagainya;
- f) Haiwan yang tidak dibenarkan untuk dibunuh di dalam Islam seperti lebah (*al-nahlah*), burung belatuk (*hud-hud*) dan sebagainya;
- g) Haiwan yang dianggap menjijikkan dan kotor seperti kutu, lalat dan sebagainya.
- h) Haiwan halal yang dipelihara dan diberi makan najis dengan sengaja dan berterusan ; dan
- i) keldai.

#### 3.1.2 Haiwan Akuatik

Haiwan akuatik ialah haiwan yang hidup di dalam air dan tidak boleh hidup di darat, seperti ikan. Semua haiwan akuatik adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan atau memudaratkan kesihatan. Haiwan dua alam yang hidup di darat dan di dalam air seperti buaya, penyu dan katak adalah tidak halal. Haiwan akuatik yang hidup di dalam najis atau diberi makan najis dengan sengaja adalah tidak halal.

#### 3.1.3 Tumbuh-Tumbuhan

Semua jenis tumbuhan dan produk tumbuhan serta hasil daripadanya adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan atau memudaratkan kesihatan.

#### 3.1.4 Cendawan Dan Mikro-Organisma



Semua jenis cendawan dan mikro-organisma (i.e. bakteria, alga dan fungi) dan hasil produk sampingannya serta/atau hasil daripadanya adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan atau yang memudaratkan kesihatan.

### 3.1.5 Mineral Semulajadi Dan Bahan Kimia

Semua bahan mineral semulajadi dan bahan kimia adalah halal kecuali yang beracun, memabukkan atau yang memudaratkan kesihatan.

### 3.1.6 Minuman

Semua jenis air dan minuman adalah halal diminum kecuali yang beracun, memabukkan atau memudaratkan kesihatan.

### 3.1.7 Makanan Terubahsuai Genetik

Makanan dan minuman yang mengandungi atau terhasil daripada Organisma Terubahsuai Genetik (GMOs) atau ramuan yang diperbuat daripada bahan genetik haiwan yang tidak halal mengikut hukum Syarak adalah tidak halal.

### 3.1.8

Tanpa mengambilkira 3.1. 2 dan 3.1.3, produk daripada haiwan akuatik atau tumbuhan berbahaya adalah halal apabila toksin atau racunnya telah dibuang semasa pemprosesan, seperti yang dibenarkan oleh hukum Syarak.

## 4. Peralatan, Perkakas, Mesin Dan Bahan Bantuan Pemprosesan

- a) Peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan yang digunakan untuk memproses makanan halal hendaklah direkabentuk dan bina untuk memudahkan proses pembersihan dan hendaklah tidak dibuat daripada atau tidak mengandungi sebarang bahan yang telah disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak dan hendaklah digunakan bagi makanan halal sahaja.
- b) Peralatan, perkakas mesin dan bahan bantuan pemprosesan yang pernah digunakan atau bersentuhan dengan najis *mughallazah*, hendaklah disamak mengikut hukum Syarak.
- c) Dalam kes penukaran aliran pemprosesan (*processing lines*) yang melibatkan najis *mughallazah* ke aliran pemprosesan makanan halal aliran tersebut hendaklah disamak mengikut hukum Syarak. Prosidur ini hendaklah diselia dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Islam yang bertauliah. Aliran yang telah ditukarkan hendaklah beroperasi hanya untuk pengeluaran produk makanan halal pada setiap masa. Ulangan penukaran aliran tadi ke aliran yang melibatkan najis *mughallazah* dan kemudian berbalik semula ke aliran halal, adalah tidak dibenarkan sama sekali.



## 5. Kebersihan, Sanitasi Dan Keselamatan Makanan

Kebersihan, sanitasi dan keselamatan makanan merupakan prasyarat dalam penyediaan makanan halal. Ia merangkumi pelbagai aspek seperti kebersihan diri, pakaian, peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan dan premis kerja yang mengendalikan pemprosesan dan pengeluaran makanan tersebut.

Pengusaha-pengusaha hendaklah mengambil langkah-langkah untuk:

- a) Memeriksa dan membahagi bahan mentah, ramuan dan bahan pembungkus sebelum pemprosesan;
- b) Menguruskan sisa buangan secara berkesan;
- c) Menyimpan bahan-bahan kimia berbahaya ditempat yang bersesuaian dan jauh daripada makanan halal;
- d) Mengelakkan pencemaran makanan oleh bahan-bahan asing seperti plastik, kaca atau serpihan logam daripada mesin, habuk, gas atau wasap berbahaya dan bahan kimia yang tidak diperlukan
- e) Mengelakkan penggunaan berlebihan bahan tambah makanan yang dibenarkan
- f) Di dalam pembuatan dan pemprosesan, alat pengesanan dan penyaringan hendaklah digunakan di mana perlu.

Produk tersebut hendaklah diproses, dibungkus dan diedarkan dalam keadaan benar-benar bersih dalam premis yang berlesen sejajar dengan amalan pengilangan yang baik (GMP) atau amalan kebersihan yang baik (GHP) seperti yang ditetapkan dalam *Garis panduan amalan kebersihan yang baik* serta undang-undang dan peraturan berkaitan kesihatan awam yang sedang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang bertauliah di Malaysia.

### 5.2 Sistem hendaklah diwujudkan bagi menghalang;

- a) Pencemaran makanan oleh bahan-bahan asing seperti plastik, kaca atau serpihan logam daripada mesin, habuk, gas atau wasap berbahaya dan bahan kimia yang tidak diperlukan; dan
- b) Penggunaan berlebihan bahan tambah makanan yang dibenarkan.

Di dalam pembuatan dan pemprosesan, alat pengesanan dan penyaringan hendaklah digunakan di mana perlu.



## 6. Penyimpanan, Pengangkutan, Pameran, Jualan Dan Penyajian Produk Halal

**6.1** Semua produk halal yang disimpan, diangkut, dipamer, dijual dan/atau disaji hendaklah dikategorikan dan dilabel halal serta diasingkan pada setiap peringkat untuk mengelakkannya daripada bercampur atau dicemari oleh bahan-bahan yang tidak halal.

**6.2** Kenderaan pengangkutan hendaklah bersesuaian dengan jenis produk halal tersebut dan mematuhi keadaan kebersihan dan sanitasi.

## 7. Pembungkusan, Pelabelan dan Pengiklanan

Produk makanan halal hendaklah dibungkus mengikut kesesuaian. Bahan pembungkus hendaklah halal dan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- a) Bahan pembungkus tidak diperbuat daripada sebarang bahan mentah dan bahan tambah yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;
- b) Ia tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari oleh bahan yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;
- c) Semasa penyediaan, pemprosesan, penyimpanan atau pengangkutannya, ia hendaklah diasingkan secara fizikal daripada makanan lain yang tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a) atau b) di atas atau mana-mana perkara yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;
- d) Bahan pembungkus tidak mempunyai kesan toksik ke atas makanan halal/mengandungi bahan mentah yang memudaratkan.
- e) Rekabentuk bungkusan, lambang, simbol, logo, nama dan gambar yang mengelirukan dan/atau bercanggah dengan hukum syarak tidak dibenarkan.

**7.1** Proses pembungkusan hendaklah dikendalikan secara bersih dan dengan keadaan sanitasi yang sempurna.

**7.2** Bahan pelabelan yang digunakan secara bersentuhan terus dengan produk hendaklah tidak berbahaya dan halal.

**7.3** Makanan halal dan bahan perasa tiruan halal, hendaklah tidak menggunakan nama atau nama yang sinonim dengan istilah yang mengelirukan atau merujuk kepada makanan tidak halal seperti ham, bak kut teh, *bacon*, bir, rum dan sebagainya.





**7.4** Setiap bungkusan makanan halal hendaklah ditanda dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan. Bagi makanan halal, maklumat-maklumat berikut mesti diletakkan pada label bungkusan tersebut:

- a) Nama produk;
- b) Kandungan bersih dinyatakan dalam sukatan metrik (unit SI);
- c) Nama dan alamat pengilang, pengimport dan/atau pengedar dan cap dagangan;
- d) Senarai kandungan;
- e) Nombor kod menunjukkan tarikh dan/atau nombor kelompok pengeluaran dan tarikh luput; dan
- f) Negara asal produk.

**7.5** Bagi produk daging primer, maklumat berikut hendaklah juga ditambah pada label atau tanda:

- a) Tarikh penyembelihan; dan
- b) Tarikh pemprosesan.

**7.6** Pengiklanan hendaklah tidak melanggar prinsip-prinsip hukum Syarak serta tidak menonjolkan unsur-unsur tidak sopan yang bertentangan dengan hukum Syarak.

## **8. Proses Penyembelihan Halal**

Penyembelihan haiwan halal hendaklah dilakukan dengan mengambil kira kebajikan haiwan berdasarkan hukum Syarak. Syarat-syarat berikut juga hendaklah dipatuhi:

- a) Penyembelihan hendaklah dilakukan hanya oleh seorang Islam yang waras dan mengamalkan ajaran Islam, mempunyai pemahaman dan pengetahuan mengenai peraturan dan syarat asas berkaitan penyembelihan haiwan dalam Islam;
- b) Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan niat kerana Allah dan bukan untuk tujuan selain daripada Allah. Penyembelih hendaklah menyedari perbuatannya;
- c) Haiwan yang hendak disembelih hendaklah haiwan yang halal;
- d) Haiwan yang hendak disembelih hendaklah bernyawa atau diyakini masih bernyawa (*hayat al-mustaqirrah*) ketika penyembelihan dilakukan;
- e) Haiwan yang hendak disembelih hendaklah sihat dan telah diluluskan oleh pihak berkuasa bertauliah yang berkenaan;
- f) Kalimah Basmallah (dengan nama Allah) hendaklah dilafazkan sejurus sebelum penyembelihan dilakukan;



- g) Aliran penyembelihan (*slaughtering lines*), alat dan kelengkapan penyembelihan hendaklah yang dikhaskan hanya untuk penyembelihan haiwan halal sahaja;
- h) Pisau atau mata pisau yang digunakan hendaklah tajam dan bersih daripada darah dan kotoran lain;
- i) Penyembelihan hendaklah dilakukan hanya sekali. Pergerakan pisau yang berulang-ulang semasa penyembelihan dibenarkan asalkan pisau yang digunakan bagi penyembelihan itu tidak diangkat semasa penyembelihan;
- j) Tulang, kuku dan gigi tidak boleh digunakan sebagai alat sembelihan;
- k) Penyembelihan hendaklah dilakukan bermula dengan pemotongan pada bahagian leher di bawah biji halqum (*Adam's apple*) dan selepas biji halqum bagi haiwan berleher panjang;
- l) Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan memutuskan saluran pernafasan (*halqum*) dan saluran makanan (*mari'*) dan kedua-dua urat darah karotid dan jugular (*wadajain*) bagi melancarkan pengaliran keluar darah dan mempercepatkan kematian haiwan. Pengaliran darah hendaklah terpancut secara spontan dan sempurna; dan
- m) Seorang pemeriksa beragama Islam yang mengamalkan ajaran Islam dan terlatih hendaklah dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk memeriksa bagi memastikan haiwan disembelih dengan sempurna mengikut hukum Syarak.

Bagi ayam-itik dan unggas, penceluran hanya boleh dilakukan ke atas haiwan yang telah diperiksa dan disahkan mati disebabkan oleh penyembelihan halal dan direkodkan.

Kaedah (*stunning*) tidak digalakkan, tetapi sekiranya digunakan, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:

- a) Stunning yang dibenarkan penggunaannya adalah *stunner elektrik* atau *pneumatic percussive stunning*.
- b) Penggunaan stunner hendaklah sentiasa di bawah penyeliaan seorang Islam yang terlatih dan dipantau secara berkala oleh pihak berkuasa Islam atau pihak berkuasa pensijilan halal dan direkodkan.
- c) Stunning hendaklah tidak menyebabkan haiwan mati atau mengalami kecederaan fizikal yang kekal.
- d) Stunner yang digunakan bagi tujuan stunning ke atas haiwan yang berada dalam kategori najis mughallazah tidak boleh digunakan ke atas haiwan bagi sembelihan halal.



- e) Stunner elektrik yang digunakan hendaklah daripada jenis yang dibenarkan oleh pihak berkuasa bertauliah yang bertanggungjawab mengenai penyembelihan.
- f) Jenis stunner elektrik yang digunakan untuk penyembelihan haiwan halal hendaklah jenis stunner yang digunakan di bahagian kepala sahaja di mana kedua-dua elektrod diletakkan pada bahagian kepala haiwan.
- g) Stunning elektrik bagi ayam-itik yang dibenarkan adalah stunning takungan air (water bath) sahaja.
- h) Kekuatan arus elektrik yang digunakan hendaklah diawasi oleh seorang Islam yang terlatih serta dipantau oleh Pihak Berkuasa Islam atau Pihak Berkuasa Pensijilan Halal.



## BARANG GUNAAN ISLAM KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI GARIS PANDUAN UMUM

### 1. SKOP

Standard Malaysia ini mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri kosmetik dan dandanan diri Halal. Ia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk kosmetik dan dandanan diri serta perdagangan atau perniagaan di Malaysia. Standard ini digalakkan untuk digunakan bersama-sama dengan:

*Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia*, National Pharmaceutical Control Bureau

*Guidelines for Cosmetic Good Manufacturing Practice*, National Pharmaceutical Control Bureau

MS 1500, *Makanan halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum*

### 2. DEFINISI

Bagi tujuan standard ini, definisi-definisi berikut adalah digunapakai.

#### 2.1 Hukum Syarak

Hukum Syarak ialah perintah Allah yang berkait dengan perbuatan orang dipertanggungjawabkan atau *mukallaf* secara tuntutan, pilihan atau *al wadh'u*<sup>5</sup>.

Berdasarkan kepada perundangan Malaysia, hukum Syarak bermakna undang-undang Islam dalam Mazhab Shafie atau undang-undang Islam dalam mana-mana satu Mazhab sama ada Maliki, Hambali dan Hanafi yang telah dipersetujui oleh Yang di Pertuan Agong dikuatkuasakan di Wilayah Persekutuan atau oleh Raja atau Sultan bagi mana-mana negeri dikuatkuasakan dalam negeri itu atau fatwa yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam.

---

<sup>5</sup> Al-Wadh'u: menjadikan sesuatu sebagai syarat untuk melaksanakan hukum syarak yang lain seperti masuk waktu sebagai syarat sah sembahyang



## 2.2 Halal

Perkara yang dibenarkan oleh hukum Syarak dan tidak akan dikenakan azab bagi orang yang melakukannya

## 2.3 Kosmetik Dan Dandanan Diri Halal

Kosmetik dan produk dandanan diri adalah bahan dan sediaan yang dibuat untuk bersentuhan dengan pelbagai bahagian luaran badan (epidermis, rambut, kuku, bibir dan organ sulit luaran) atau pada gigi dan saluran mukus di mulut. Ini bertujuan semata-mata untuk membersihkan, mewangikan, merubah penampilan dan/atau membaiki bau badan dan/atau melindunginya atau memeliharanya dalam keadaan yang baik. Produk ini bukan bertujuan untuk merawat atau mencegah penyakit.

Bahan kosmetik dan produk dandanan diri yang halal, termasuk aksesori, adalah produk yang dibenarkan oleh hukum Syarak serta menepati ciri-ciri berikut:

- a. Bukanlah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau bahan daripada anggota manusia atau terbitan daripadanya;
- b. Bukanlah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahan daripada haiwan yang orang Islam dilarang oleh hukum Syarak menggunakannya atau memakannya ataupun tidak disembelih mengikut hukum Syarak;
- c. Tidaklah mengandungi apa-apa bahan atau bahan terubahsuai genetik (GMO) yang dihukum sebagai najis mengikut hukum Syarak;
- d. Tidak disediakan, diproses, dikilang atau disimpan dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas daripada bahan-bahan najis mengikut hukum Syarak;
- e. Tidaklah, apabila menyediakan, memproses atau mengilang itu, bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan a), b), c) atau d); dan
- f. Tidak memudaratkan pengguna atau pemakainya.

## 2.4 Najis

**Najis menurut Hukum Syarak adalah:**

- a. Haiwan atau benda yang dilarang oleh Islam seperti anjing dan babi (kхинzir) dan terbitan daripadanya, darah dan bangkai;



- b. Bahan halal yang dicemari oleh bahan yang najis;
- c. Bahan halal yang bersentuhan dengan bahan-bahan yang najis;
- d. Sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga manusia atau haiwan seperti air kencing, uri, tahi, darah, muntah dan nanah<sup>6</sup>; dan
- e. Bangkai haiwan atau haiwan halal yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak.

#### 2.4.1 Terdapat Tiga Jenis Najis:

- d) *Mughallazah* adalah najis berat iaitu anjing dan babi (khusus) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing dan babi (khusus), keturunannya dan terbitan daripadanya;
- e) *Mukhaffafah* adalah najis ringan. Najis yang berada di dalam kategori ini hanyalah air kencing bayi lelaki berusia dua tahun dan ke bawah yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibu sahaja; dan
- f) *Mutawassitah* adalah najis pertengahan yang tidak termasuk di dalam kategori najis berat atau najis ringan seperti muntah, nanah, darah, arak, bangkai, cecair dan objek yang keluar daripada rongga dan sebagainya.

### 3. SUMBER-SUMBER BAHAN KOSMETIK DAN DANDANAN DIRI YANG HALAL

#### 3.1 Haiwan Darat Dan Air

- a) Sumber bahan kosmetik dan dandanan diri yang diambil daripada haiwan darat yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum Syarak adalah halal. Sumber daripada bulu, rambut dan seumpamanya daripada haiwan darat yang halal dimakan jika diambil semasa haiwan masih hidup adalah halal.
- b) Sumber bahan kosmetik dan dandanan diri yang diambil daripada telur haiwan yang tidak najis adalah halal.
- c) Semua haiwan air yang halal dimakan boleh dijadikan sumber bahan kosmetik dan dandanan diri.

#### 3.2 Tumbuh-Tumbuhan Dan Mikroorganisma

---

<sup>6</sup> Susu, sperma dan ovum manusia dan haiwan, kecuali anjing dan babi adalah tidak najis.



Sumber tumbuh-tumbuhan dan mikroorganisma di darat, udara dan air, hasilnya adalah halal digunakan, kecuali yang berbahaya dan/atau najis.

### 3.3 Tanah Dan Air

Semua sumber tanah dan air dan hasilnya (termasuk bahan-bahan galian) adalah halal digunakan kecuali yang berbahaya dan/atau bercampur dengan bahan-bahan yang najis.

### 3.4 Alkohol

Bahan kosmetik dan dandanan diri yang ada kandungan alkohol kecuali alkohol yang memabukkan (*khamar*) adalah harus.

### 3.5 Sintetik

Bahan kosmetik dan dandanan diri yang dihasilkan secara sintetik adalah halal kecuali yang berbahaya dan/atau bercampur dengan bahan-bahan yang najis.

## 4. Peralatan, Perkakas, Mesin dan Bahan Bantuan Pemprosesan

- a) Peralatan, perkakas, mesin dan bahan bantuan pemprosesan yang digunakan untuk memproses bahan kosmetik dan dandanan diri hendaklah direkabentuk dan bina untuk memudahkan proses pembersihan dan hendaklah tidak dibuat daripada atau tidak mengandungi sebarang bahan yang telah disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak dan hendaklah digunakan bagi bahan kosmetik dan dandanan diri halal sahaja.
- b) Peralatan, perkakas mesin dan bahan bantuan pemprosesan yang pernah digunakan atau bersentuhan dengan najis *mughallazah*, hendaklah disamak mengikut hukum Syarak (lihat Lampiran B).
- c) Dalam kes penukaran aliran pemprosesan (*processing lines*) yang melibatkan najis *mughallazah* ke aliran pemprosesan bahan kosmetik dan dandanan diri halal aliran tersebut hendaklah disamak mengikut hukum Syarak. Prosidur ini hendaklah diselia dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Islam yang bertauliah. Aliran yang telah ditukarkan hendaklah beroperasi hanya untuk pengeluaran produk kosmetik dan dandanan diri halal pada setiap masa. Ulangan penukaran aliran tadi ke aliran yang melibatkan najis *mughallazah* dan kemudian berbalik semula ke aliran halal, adalah tidak dibenarkan sama sekali.



## 5. Aspek Kebersihan Dalam Penyediaan Dan Pengendalian Bahan Atau Kosmetik

- a) Kebersihan adalah meliputi aspek-aspek kebersihan diri, pakaian, peralatan dan premis pemrosesan bahan atau produk kosmetik dan dandanan diri.
- b) Kebersihan boleh diertikan sebagai bebas daripada najis, kotoran, mikroorganisma dan bahan pencemar yang memudaratkan. Pekerja dan pelawat dimestikan memakai pakaian serta digalakkan menggunakan peralatan yang dihaskan selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK).

## 6. Aspek-Aspek Lain Dalam Penyediaan Bahan Kosmetik Dan Dandanan Diri

Dalam penyediaan bahan kosmetik dan dandanan diri, aspek-aspek lain yang terkandung di dalam *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia* dan *Guidelines on Cosmetic Good Manufacturing Practice*, National Pharmaceutical Control Bureau perlu juga dipatuhi.

## 6. Pembungkusan, Pelabelan dan Pengiklanan

Produk kosmetik dan dandanan diri halal hendaklah dibungkus mengikut kesesuaian. Bahan pembungkus hendaklah halal dan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- f) Bahan pembungkus tidak diperbuat daripada sebarang bahan mentah dan bahan tambah yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;
- g) Ia tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari oleh bahan yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;
- h) Semasa penyediaan, pemrosesan, penyimpanan atau pengangkutannya, ia hendaklah diasingkan secara fizikal dari makanan lain yang tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam butiran a) atau b) di atas atau mana-mana perkara yang disahkan sebagai najis oleh hukum Syarak;
- i) Bahan pembungkus tidak mengandungi bahan mentah yang memudaratkan.
- j) Rekabentuk bungkusan, lambang, simbol, logo, nama dan gambar yang mengelirukan dan/atau bercanggah dengan hukum syarak tidak dibenarkan.

Proses pembungkusan hendaklah dikendalikan secara bersih dan dengan keadaan sanitasi yang sempurna.





Bahan pelabelan yang digunakan secara bersentuhan terus dengan produk hendaklah tidak berbahaya dan halal.

Setiap bungkusan produk kosmetik dan dandanan diri halal hendaklah ditanda dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan. Maklumat-maklumat yang terkandung pada label tersebut hendaklah selaras dengan keperluan pelabelan di dalam *Guidelines for Control of Cosmetic Products in Malaysia*, National Pharmaceutical Control Bureau.

Pengiklanan hendaklah tidak melanggar prinsip-prinsip hukum Syarak serta tidak menonjolkan unsur-unsur tidak sopan yang bertentangan dengan hukum Syarak.

#### **7. Keperluan lain**

Segala keperluan yang terkandung di dalam MS 1500 juga mesti dipatuhi.

#### **8. Keperluan perundangan**

Produk tersebut di dalam aspek-aspek lain, hendaklah mematuhi undang-undang termasuk sebarang peraturan yang berkenaan yang berkuatkuasa di Malaysia.

#### **9. Pematuhan**

Sesuatu produk dikira memenuhi keperluan standard ini sekiranya ia mematuhi Fasal 2 standard ini. Ia hendaklah disahkan melalui pemeriksaan premis/tapak sekiranya difikirkan perlu oleh pihak berkuasa yang bertauliah.

#### **10. Sijil halal**

Sijil halal hendaklah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Hal Ehwal Islam yang berkenaan di Malaysia.

#### **11. Tanda pensijilan halal**

Setiap produk, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Hal Ehwal Islam yang berkenaan, boleh ditanda dengan tanda pensijilan halal pihak berkuasa berkenaan dengan syarat produk tersebut memenuhi segala keperluan garis panduan standard ini.